

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

## 67 termasuk 6 bayi rumah perlindungan di Skudai positif COVID-19

Johor Bahru: Seramai 67 penghuni dan kakitangan, termasuk enam bayi di sebuah rumah perlindungan wanita dan kanak-kanak di Skudai, di sini positif COVID-19 dan diarahkan dikuarantin di dua hospital negeri ini sejak Jumaat lalu.

Enam bayi yang positif wabak berkenaan berusia antara 10 hari hingga setahun.

Pengurus pusat perlindungan Beitus-Solehah Johor Bahru, Muna Liza Ismail, berkata saringan awal Jumaat lalu mendapati seramai 38 daripada 40 penghuni pusat berkenaan termasuk enam bayi positif COVID-19.

Katanya, semuanya bermula apabila seorang pelatih jagaan pusat itu yang hamil enam bulan, tidak sihat sebelum dia dihantar ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) pada 27 Januari lalu bagi mendapatkan rawatan.

"Keesokannya ketika saya menghantar seorang lagi pelatih yang mahu bersalin ke HSA, kakitangan hospital berkenaan memaklumkan pelatih yang tidak sihat yang dirawat semalam, diarahkan positif COVID-19.

"Saringan kemudian dibuat kepada pelatih yang mahu bersalin itu, dan dia juga disahkan positif COVID-19.

"Susulan itu, Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru, membuat saringan terhadap semua penghuni dan pekerja pusat ini sebelum mendapati seramai 38 daripada 40 penghuni positif COVID-19 pada Sabtu lalu.

"Tujuh daripada mereka yang positif ditempatkan di Hospital Enche Besar Hajjah Kalsom, Kluang dan selebihnya di Hospital Permai, Johor Bahru.

"Tadi (semalam) saya mendapat pengesahan Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru bahawa saya juga positif.

"Jumlah yang positif COVID-19 adalah 67 iaitu 22 ibu, enam bayi (baki 16 bayi turut dibawa ke pusat kuarantin), 13 ibu mengandungi, dua ibu baru melahirkan, dua bayi baru dilahirkan, selain enam kakitangan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, Muna Liza dalam tulisan di Facebook pusat perlindungan itu berkata, selepas lima tahun didiami, kini kali pertama pusat itu sepi.

"Sedih dan pilu bila mereka dibawa pergi untuk rawatan. Selama lapan tahun saya hidup bersama mereka dalam keriuhan suara tangis bayi dan gelak tangis ibu. Semoga Allah melimpahkan rahmat-Nya atas kejadian ini untuk diambil pelajaran dan pengajaran," katanya.

Penularan COVID-19

# 21 kematian dicatat semalam

Jumlah tertinggi dalam sehari dicatat sejak wabak melanda

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) semalam mencatat angka kematian tertinggi akibat COVID-19 setakat ini, iaitu 21 kes menjadikan semuanya 791 atau 0.36 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes kematian itu membabitkan 20 warganegara dan seorang warga asing berusia antara 36 hingga 83 tahun dan semuanya mempunyai penyakit kronik.

"Di Selangor, terdapat 12 kes kematian dilaporkan, empat di Kedah, masing-masing dua di Johor dan Kuala Lumpur serta satu di Kedah.

"Ia adalah jumlah tertinggi pernah dilaporkan di negara ini. Kementerian Kesihatan mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka," katanya.

dalam kenyataan, semalam.

Sebelum ini, jumlah tertinggi kes kematian disebabkan oleh COVID-19 ialah 18 kes yang dilaporkan pada 22 Januari lalu. Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, kes baharu COVID-19 semalam menunjukkan penurunan untuk dua hari berturut-turut apabila sebanyak 3,455 kes dilaporkan.

Daripada kes baharu berkenaan, lima kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara turut dikesan. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes positif COVID-19 di negara ini sebanyak 222,626 kes.

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,145 kes (33.1 peratus), yang mana daripada jumlah itu, 863 kes (75.4 peratus) adalah daripada kluster sedia ada dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

Johor pula mencatat sebanyak 708 kes (20.5 peratus) dan Kuala Lumpur 619 kes (17.9 peratus).

Sebanyak 77 kes (2.2 peratus) daripada keseluruhan kes yang dilaporkan semalam adalah yang berkaitan kluster dalam lokap, depoh, tabahan imigresen dan penjara.

Antaranya adalah Kluster

Tembok Tatping (21 kes), Kluster Tembok Renggam (17 kes), Kluster Tembok Sungai Udag (15 kes), Kluster Tembok Bukit Besi (10 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (9 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (3 kes), dan Kluster Tembok Mempaga (2 kes).

Pertambahan kes itu menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehan jangkitan COVID-19 di negara ini sebanyak 47,847 kes.

Hingga kini, seramai 327 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi dan 145 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham berkata, hingga jam 12 tengah hari semalam, sebanyak 3,661 kes sembuh dilaporkan, menjadikan jumlah kumulatif pulih sepenuhnya daripada COVID-19 ialah 173,990 atau 78.2 peratus.

Dalam pada itu, KKM semalam mengenal pasti tujuh kluster baharu yang dilaporkan di Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Pahang dan Perak dengan enam daripada kluster baharu berkenaan berpunca daripada tempat kerja dan satu dalam komuniti.

Kluster Jalan Ragum dikesan di daerah Klang dan Petaling membabitkan saringan bersasar di sebuah kilang serta menjangkiti 219 individu, manakala Klus-

ter Bukit Rahman di daerah Kuala Selangor, Petaling dan Gombak pula sudah menjangkiti 48 individu.

Kluster Parit Jamil Darat di Muar sudah menjangkiti 26 individu, manakala Kluster Tapak Bina Jalan Cheras menjangkiti 332 individu, Kluster Semarak Bersia di Hulu Perak menjangkiti 19 individu.

Kluster Taman Muhibbah yang dikesan di Temerloh dan Kuantan sudah menjangkiti 14 individu serta kluster terakhir ialah Kluster Industri Serkan di Jasin dan Melaka Tengah sudah menjangkiti 69 individu.

Setakat semalam, sebanyak 838 kluster dilaporkan yang mana 434 kluster dilaporkan tamat.

Empat kluster yang tamat semalam adalah Kluster Bukit Angkat, Kluster Tapak Bina Bukit Semenyih, Kluster Tapak Bina Kiara dan Kluster Brumas, menjadikan jumlah kluster aktif dan dipantau adalah 404.

Daripada jumlah itu, 70 kluster melaporkan pertambahan kes, semalam dengan kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah Kluster Tapak Bina Jalan Cheras (332 kes), Kluster Jalan Ragum (210 kes) dan Kluster Jalan Seroja (204 kes).

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL



Dr Jacob Thomas

## Hospital swasta bersedia terima pesakit

**Kuala Lumpur:** Fasilitas kesihatan di hospital swasta kini bersedia menerima sejumlah pesakit COVID-19 bagi membantu mengurangkan kesesakan pesakit yang kini mula memenuhi fasilitas kesihatan kerajaan.

Pengerusi Nexus Penjagaan Kesihatan Swasta (PHPN), Datuk Dr Jacob Thomas, berkata hospital swasta menyediakan 71 unit ventilator kepada hospital kerajaan di seluruh negara ketika kes yang direkodkan di Unit Rawatan Intensif (ICU) dan Unit Rawatan Koronari (CCU) mula menunjukkan penurunan dan ia disahkan Presiden Persatuan Hospital Swasta-Malaysia (APHM), Datuk Dr Kuljit Singh, baru-baru ini.

Dr Jacob berkata, penyedia kesihatan swasta sentiasa menyokong arahan dan usaha kerajaan dalam menangani apa sahaja situasi berkaitan penjagaan kesihatan di Malaysia, lebih-lebih lagi ketika negara dituji dengan peningkatan kes COVID-19 setiap hari.

"Selain itu, ada juga pesakit bukan COVID-19 yang dipindahkan ke hospital swasta contohnya pesakit yang perlu menjalani ujian dialisis dan pembedahan. Ini bagi mengurangkan risiko jangkitan dan membantu meningkatkan lagi kapasiti wad dan katil di hospital kerajaan," katanya dalam kenyataan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba pada 28 Januari lalu berkata pembabit hospital swasta untuk menguruskan pesakit COVID-19 adalah antara langkah yang telah diambil Kementerian bagi menangani peningkatan kes COVID-19.

Sementara itu, Dr Jacob berkata, antara langkah yang diambil PHPN dalam membantu kerajaan termasuk menyediakan pusat saringan di hospital swasta serta ujian calitan kepada pekerja asing dan setakat ini sebanyak 130 fasilitas swasta menyediakan pusat saringan COVID-19.

"PHPN juga mengambil langkah lebih awal semasa negara dilanda wabak ini dengan mewujudkan model *Public-Private Partnership* (PPP) untuk merangsang pembabit pihak swasta dan menambah baik mutu perkhidmatan kesihatan yang diberikan oleh kerajaan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 37

RUANGAN : BISNES

# Vaksin COVID-19 Sinovac diedar April

Pharmaniaga  
teliti formula,  
sahkan  
status halal

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

Malaysia akan menerima 14 juta dos vaksin COVID-19 Sinovac secara berperingkat dengan bekalan pertama akan mula diedarkan pada April ini.

Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga Bhd, Datuk Zulkarnain Md Eusope, berkata sebagai permulaan, kira-kira sejuta dos akan diberikan kepada rakyat Malaysia.

Katanya, bekalan itu kemudian akan ditambah kepada dua juta dos pada setiap bulan sehingga Oktober 2021.

"Rakyat Malaysia tidak perlu bimbang kerana formula vaksin ini terbukti selamat dan tiada perbezaan ketara dengan vaksin sedia



**Rakyat Malaysia  
tidak perlu  
bimbang kerana  
formula vaksin ini  
terbukti selamat dan  
tiada perbezaan ketara  
dengan vaksin  
sedia ada ketika ini.**

**Zulkarnain Md Eusope,  
Pengarah Urusan Kumpulan  
Pharmaniaga Bhd**

ada ketika ini.

"Kami sudah menghantar permohonan untuk kebenaran mendapatkan vaksin bagi tujuan kecemasan dan dijangkakan awal April vaksin ini sedia untuk dibekalkan di Malaysia.

"Malah, vaksin ini sudah di luluskan dan diberikan kepada Presiden Indonesia, Joko Widodo dan Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan," katanya pada taklimat media secara maya, semalam.

Yang hadir sama, Ketua Pusat Penyelidikan Pharmaniaga, Dr Badarulhisam Abdul Rahman, Ketua Penajaan Pelanggannya, Norhana Nawawi Suri dan Pakar Vaksin, Dr Ajit Pal Singh Raina.

Mengulas lanjut, Zulkarnain berkata, Singapura dan Filipina juga akan mendapatkan vaksin COVID-19 Sinovac dari China.

Mengenai status halal vaksin berkenaan, beliau berkata, Pharmaniaga sudah pun melihat dan meneliti formula serta bahan-vaksin terbabit.

"Status vaksin dari China ini adalah halal kerana ia juga menerima pengiktirafan halal daripada majlis ulama Indonesia," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : COVID-19

Oleh Nurul Hidayah  
Baháudin  
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Negara mencatatkan kes kematian tertinggi Covid-19 selepas merekodkan 21 kematian semalam, menjadikan jumlah kumulatif kematian bertambah kepada 791 kes, 0.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes kematian semalam membabitkan 12 kes di Selangor, empat kes di Sabah, masing-masing dua kes di Johor dan Kuala Lumpur serta satu kes di Kedah.

"Sebanyak 20 kes kematian pada hari ini (semalam) membabitkan warganegara dan satu kes bukan warganegara.

## 21 kematian direkodkan

20 kes babit warga tempatan, 1 kes warga asing

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka," dalam kenyataan, semalam.

Mengenai penularan Covid-19 dalam negara, beliau berkata, ia mencatatkan penurunan dengan 3,455 kes direkodkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan penularan wabak itu kepada 222,628 kes dengan kebolehan jangkitan 47,847 kes.

Katanya, daripada jumlah itu, lima kes import dilaporkan, manakala 3,450 kes

lagi membabitkan penularan tempatan.

"Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,145 kes diikuti Johor (708 kes) dan Kuala Lumpur (619 kes).

"Sebanyak 77 kes dilaporkan adalah berkaitan kluster di penjara dan depot tahanan imigresen membabitkan Kluster Tembok Taipang (21 kes), Kluster Tembok Renggam (17 kes), Kluster Tembok Sungai Udang (15 kes), Kluster Tembok Bukit Besi (10 kes), Kluster Penjara

Jalan Harapan (9 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (9 kes) dan Kluster Tembok Mempaga (2 kes)," katanya.

Katanya, ada 327 kes positif Covid-19 dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 145 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Sebanyak 3,661 kes dilaporkan puluh hari ini (semalam) menjadikan jumlah kumulatif kes puluh sepenuhnya adalah 173,990 kes atau 78.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

## Tujuh kluster baharu dilaporkan di 6 negeri

Kuala Lumpur

Tujuh kluster baharu direkodkan semalam yang dilaporkan berfokus di Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Pahang dan Perak. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Kluster Jalan Bagum dilaporkan di Klang dan Petaling, Selangor dikesan melalui saringan bersasar di sebuah kilang dengan 19 kes dikesan positif.

"Kluster kedua dikenal pasti adalah Kluster Bukit Rahman yang dilaporkan di Kuala Selangor, Petaling dan Gombak, Selangor, hasil saringan di sebuah kilang membabitkan 48 kes positif.

"Kluster ketiga, Kluster Parit Jambal Darat yang dilaporkan di Muar, Johor hasil saringan bersasar di sebuah kilang dengan 26 kes dikesan positif," katanya dalam kenyataan dikeluarkan semalam.

Dr Noor Hisham berkata, hasil saringan bersasar di sebuah tapak binaan di tapak binaan, mengesan 332 kes positif yang membentuk kluster baharu, keempat hari ini iaitu Kluster Tapak Bina Jalan Cheras.

"Kluster kelima yang dikesan adalah Kluster Semarak Bersia yang dilaporkan di Hulu Perak. Perak hasil saringan kontak rapat dengan 10 kes dikesan positif, manakala satu lagi Kluster Taman Muhibbah di Temengloh dan Kuantan, Pahang selepas 14 kes positif daripada saringan individu bergejala.

"Kluster terakhir dikenal pasti adalah Kluster Industri Serkam yang dilaporkan di Jasin dan Melaka Tengah, Melaka hasil saringan bersasar, di sebuah kilang dengan 69 kes dikesan positif dalam kluster berkenaan," katanya.



PdPR di koridor rumah

PELAJAR Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sentul, Nur Izzah, Mirza Norazman, 16, (kiri) bersama Siti Nur Kamaliah Abu Bakar, 14, mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) di koridor rumahnya susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Pangapuri Seri Perak, Sentul, semalam.

## 14 juta dos vaksin diterima Mac ini

Kuala Lumpur: Malaysia akan menerima secara pukal 14 juta dos CoronaVac, vaksin Covid-19 daripada pembekal Sinovac Lifesciences Co Ltd bermula Mac ini. Ia akan diproses 'fill and finish' secara berperingkat oleh Pharmaniaga Berhad, bagi Program Vaksinasi Negara dan didaraskan secara percuma.

Pengarah Urusan Pharmaniaga Bhd (Pharmaniaga) Datuk Zulkarnain Md Busope berkata, bagi permulaan kira-kira sejuta dos akan tersedia kepada rakyat Malaysia dan selepas itu setiap bulan berikutnya sebanyak dua juta dos akan diberikan sehingga Oktober depan.

Katanya, rakyat Malaysia tidak

perlu bimbang kerana formula vaksin terbukti selamat melalui ujian klinikal dan tiada signifikan perbezaan daripada vaksin sedia ada.

"Kami sudah hantar permohonan untuk kebenaran mendapatkan vaksin bagi tujuan kecemasan dan kami jangka akan awal April vaksin ini sedia untuk dibekalkan di Malaysia.

"Malah, di Indonesia dan Turki, vaksin ini sudah diluluskan dan dicuba oleh Presidenya, Joko Widodo dan Recep Tayyip Erdogan.

"Selain Malaysia, Singapura dan Filipina juga akan mendapatkan vaksin CoronaVac Covid-19 dari China," katanya pada sidang media

Pharmaniaga secara maya di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pusat Penyelidikan, Pharmaniaga Berhad Dr. Badarulhisam Abdul Rahman, Pakar Vaksin Dr Ajit Pal Singh Rania dan Ketua Penjagaan Pelanggan Nohana Nawawi Suri.

"Bagi orang ramai yang masih tertanya dengan status halal vaksin ini, Zulkarnain berkata, pihaknya sudah pun melihat dan meneliti formula serta bahan vaksin CoronaVac yang diberi.

"Vaksin dari China ini halal yang mana ia juga menerima pengiktirafan halal daripada Majlis Ulama Indonesia," katanya.

Selain itu, ditanya adakah Pharmaniaga akan menjual vaksin tersebut kepada syarikat multinasional (MNC), Zulkarnain berkata, pihaknya berbincang dengan kerajaan. "Kerajaan juga sudah meminta kami membekalkan vaksin ini kepada MNC untuk diberi kepada pekerja asing mereka.

"Memang akan ada peruntukkan vaksin bagi pekerja asing dan mengenal harga ia masih dibincangkan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Pharmaniaga bersedia menerima 14 juta vaksin CoronaVac Covid-19 dari segi logistik dan tempat penyimpanan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : LOKAL

## 6 bayi positif kena kuarantin

**Johor Bahru:** Seramai 67 penghuni dan kakitangan termasuk enam bayi sebuah rumah perlindungan wanita dan kanak-kanak di Skudai, di sini, positif Covid-19 dan diarahkan di-kuarantin di dua hospital negeri itu sejak Jumaat lalu.

Enam bayi yang positif wabak berkenaan berusia 10 hari hingga setahun.

Pengurus pusat perlindungan Baitus Solehah Johor Bahru, Muna Liza Ismail berkata, dalam saringan awal Jumaat lalu mendedahkan 38 daripada 40 penghuni pusat berkenaan termasuk enam bayi yang disaring, disahkan positif Covid-19.

Katanya, semuanya bermula apabila seorang pelatih jagaan pusat itu yang hamil enam bulan tidak sihat sebelum dia dihantar ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) pada 27 Januari lalu bagi mendapatkan rawatan.

"Keesokannya ketika saya menghantar seorang lagi pelatih yang mahu melahirkan ke HSA, kakitangan hospital berkenaan memaklumkan pelatih yang tidak sihat yang dirawat itu, disahkan positif Covid-19 selepas saringan dibuat.

"Saringan kemudian dibuat kepada pelatih yang ingin melahirkan berkenaan sebelum dia juga disahkan positif Covid-19.

"Susulan itu, pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru membuat saringan terhadap semua penghuni dan pekerja pusat ini sebelum mendapati 38 daripada 40 penghuni positif COVID-19 pada Sabtu lalu.

"Tujuh daripada mereka yang positif ditempatkan di Hospital Enche Besar Hajjah Kalsom Kluang, manakala selebihnya di Hospital Permai di Johor Bahru.

"Saya juga mendapat pengesahan Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru yang memaklumkan keputusan saringan saya juga positif.

"Jumlah yang positif Covid-19 adalah 67 iaitu 22 ibu, enam bayi (baki 16 bayi turut dibawa ke pusat kuarantin), 13 ibu mengandungkan, dua ibu baru melahirkan, dua bayi baru lahir selain enam kakitangan," katanya ketika dihubungi.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : -

## 21 kes kematian direkodkan

**PUTRAJAYA** - Negara mencatatkan kes kematian tertinggi semalam dengan 21 kes, menjadikan jumlah kematian akibat Covid-19 sebanyak 791 kes.

Kesemua kematian itu dilaporkan di Selangor, Sabah, Johor, Kuala Lumpur dan Kedah membabitkan 13 lelaki dan lapan wanita berusia antara 36 hingga 83 tahun dengan pelbagai latar belakang penyakit.

Dalam masa sama, sebanyak 3,661 kes sembuh dilaporkan, mengatasi kes harian sebanyak 3,455 kes.

Selangor kekal merekodkan angka tertinggi sebanyak 1,145 kes diikuti oleh Johor sebanyak 708 kes dan Kuala Lumpur sebanyak 619 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak tujuh kluster baharu dilaporkan dengan enam daripadanya kluster tempat kerja iaitu Kluster Jalan Ragun di Klang dan Petaling, Selangor membabitkan 219 kes hasil saringan bersasar sebuah kilang di Jalan Ragun, Shah Alam, Petaling.

Kluster Bukit Rahman pula

di Kuala Selangor, Petaling dan Gombak dengan 48 kes hasil saringan bersasar sebuah kilang di Taman Perindustrian, Bukit Rahman Putra, Sungai Buloh, Gombak.

"Selain itu, Kluster Parit Jami Darat di Muar, Johor membabitkan 26 kes saringan bersasar sebuah kilang," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Bellau berkata, Kluster Tapak Bina Jalan Cheras di Cheras, Kuala Lumpur dengan 332 kes hasil saringan bersasar sebuah tapak binaan di Jalan Cheras.

"Seterusnya, Kluster Taman Muhibbah di Temerloh dan Kuantan, Pahang dengan kes indeks bergaja dan 14 kes dikenal pasti serta melibatkan sebuah pusat pentadbiran awam di Kuantan," katanya.

Ujarnya, Kluster Industri Serkam di Jasin dan Melaka Tengah, Melaka membabitkan 69 kes hasil saringan bersasar sebuah kilang di Serkam, Merlimau.

Noor Hisham menambah, satu lagi kluster membabitkan kluster komuniti iaitu Kluster

### COVID-19

Angka terinci kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	3,455
Import:	5
Tempatan:	3,450

• Kematian	21
• Masih dirawat	47,847
• Jumlah kes sembuh	173,990
• Jumlah Kematian	791

Jumlah kes keseluruhan 222,628

Semarak Bersia di Hulu Perak, Perak dengan kes indeks ialah hasil saringan kontak rapat serta 19 kes dikenal pasti.

Empat kluster tamat semalam iaitu Kluster Bukit Angkat, Kluster Tapak Bina Bukit Semenyih, Kluster Tapak Bina Klara dan Kluster Brumas menjadikan sebanyak 434 kluster ditamatkan sehingga kini.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 5  
 RUANGAN : NEGARA

Ibu dan bayi rumah perlindungan jalani kuarantin di hospital

## 22 bayi antara 68 penghuni positif

Oleh SHARKAWI LONDING

**JOHOR BAHRU** — Seramai 68 penghuni Rumah Perlindungan Baitus Solehah di Skudai di sini disahkan positif Covid-19 sejak Sabtu lalu.

Pengasas Rumah Perlindungan Baitus Solehah, Monaliza Ismail berkata, jumlah itu terdiri dari pada 22 bayi bersama ibu masing-masing, 10 ibu mengandung serta 14 kakitangan pusat perlindungan itu.

Menurutnya, tujuh bayi bersama ibu dibawa ke Hospital Tanche Besar, Hajah Khalison, Kluang dan selebihnya dihantar ke Hospital Permatang Jempin untuk menjalani kuarantin.

"Bagaimanapun punca wabak ini bermula belum diketahui dan pihak Kementerian Kesihatan (KKM) masih melakukan siasa-



PETUGAS kesihatan sedang melakukan ujian saringan Covid-19 ke atas penghuni Rumah Perlindungan Baitus Solehah di Skudai, Johor Bahru, Sabtu lalu.

tan. Kami reda dengan ujian Alah menimpa anak-anak ini.

"Kami sudah sedaya upaya mematuhi prosuder operasi Kawalan Pergerakan dikenakan

Mac tahun lalu", katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Rumah Perlindungan Baitus Solehah yang telah beroperasi sejak lapan tahun lalu merupakan pusat perlindungan kepada wanita terlanjur serta bayi mereka.

Sebelum ini, Monaliza dalam satu slaran langsung di laman Facebooknya berkata, siasatan awal pihaknya mendapati penularan wabak Covid-19 di premis berkenaan dipercayai berpunca daripada salah seorang penghuni yang mempunyai sejarah melawat hospital minggu lalu.

"Pengurus, suami pengurus, tukang masak, pemandu dan beberapa penghuni yang melakukan ujian calitan didapati positif.

"Maka rebalah kami seketika, teruskan kami kuat untuk meneruskan siasa baki usia yang ada," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# Kes baharu Covid-19 menurun

Sebanyak 3,455 kes dicatat pada Selasa berbanding 4,214 kes pada sebelumnya.

KUALA LUMPUR

Perkembangan Covid-19 di sini pada Selasa mencatatkan penurunan kepada 3,455 kes, pada Selasa daripada 4,214 kes semalam. Menteri Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes baharu itu lima merupakan kes import yang mendapat pengiran dari luar negara manakala penularan dalam negara pula sebanyak 3,450 kes.

Selangor terus merekodkan jumlah kes baharu harian tertinggi iaitu 1,315 diikuti Johor (708 kes) dan Kuala Lumpur (619) katanya dalam satu kenyataan mengenai

perkembangan Covid-19 di sini pada Selasa.

Jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 pula meningkat kepada 222,628 kes manakala jumlah kes aktif dengan

kebolehan kuarantin adalah 47,847. Sebanyak 327 kes kematian dilaporkan daripada Selasa menjadikan kes kematian tertinggi direkodkan bagi tempoh 24 jam setakat ini.

Jumlah kumulatif kes kematian kini 791 kes dengan kes yang dilaporkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pula mencecah 327 dengan 145 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Sementara itu, beliau berkata jumlah kes baharu di kesan dengan senamun daripada merupakan kluster di tempat kerja dan satu melibatkan komuniti.

Beliau berkata 777 kes (22.2 peratus) kes baharu yang dilaporkan melibatkan kluster di lokasi, depot, stesen, imigresen dan penempatan. Kluster Lembok Liping dengan 213 kes, Kluster Lembok Rengam (17), Kluster Lembok Sungai Udang (15), Kluster Lembok Bukit Basah (10), Kluster

Jalan Ragun dan Bukit Rahman di Selangor, Paksi Jambul Darat (Johor), Tapak Bina Jalan Cheras (Kuala Lumpur), Taman Muhibbah (Pahang) dan Industri Serkam (Melaka) manakala Semarak Bersin di Perak merupakan kluster komuniti.

Dr. Noor Hisham berkata jumlah kluster aktif kini sebanyak 404 dengan 70 daripadanya menandakan pertambahan kes baharu. Kluster Kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada Selasa adalah Kluster Tapak Bina Jalan Cheras (332 kes), Kluster Jalan Ragun (210 kes) dan Kluster Jalan Seroja (204 kes) di Bernam.

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT ISNIN

Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 2 Februari 2021

**Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**

Perlis 17

Kedah 5,592

P. Pinang 8,032

Perak 6,884

Selangor 70,441

K.L. &amp; Putrajaya 27,621

N. Sembilan 11,420

Melaka 3,722

Johor 23,334

Kelantan 2,339

Terengganu 2,293

Sarawak 4,676

Pahang 3,101


Sabah 42,420

Labuan 2,155

## JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU
222,628	173,990	327	791	3,455

**Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 219,173 kes kepada 222,628 kes**





AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

## A grim day for Malaysia as death toll reaches new high

By JOSEPH KAOS  
joe.kaos@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** It was another grim day for Malaysia as we marked a new Covid-19 milestone with a record 21 deaths reported yesterday.

The number of Covid-19 patients in intensive care also reached an unprecedented 327 cases, with 145 requiring ventilator support.

In his daily Covid-19 update, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the cumulative number of deaths from

the disease now stood at 791.

Of the 21 deaths recorded yesterday, 12 were recorded in Selangor. The rest were in Sabah (four), Johor (two), Kuala Lumpur (two) and Kedah (one).

All but one involved Malaysians, he added.

Dr Noor Hisham added that those who died yesterday were aged between 36 and 89 years old.

Most of them suffered from comorbidities such as diabetes, high blood pressure and chronic kidney diseases.

Previously, the record for the

most number of deaths in a single day was 18, on Jan 22.

Earlier yesterday, Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced that the current movement control order, which was scheduled to end on Feb 4, has been extended to Feb 18.

This was due to the high number of Covid-19 cases in the country.

Yesterday, the daily Covid-19 figures saw a slight reduction, with 3,455 new cases recorded.

The previous five days saw cases hovering above the 4,000 mark, going as high as 5,728 last Saturday.

Selangor recorded the highest number of new cases at 1,145, followed by Johor (708 cases), Kuala Lumpur (619), and Sabah (276).

Most of the cases came from infection clusters and uncovered through active contact tracing activities, said Dr Noor Hisham.

The Health Ministry has also identified seven new Covid-19 clusters in the country, of which six were linked to workplaces, while one was a community outbreak.

The Jalan Ragum cluster in Selangor involved 219 positive cases among factory workers.

Dr Noor Hisham said the cases were discovered from a targeted screening exercise being conducted at the Shah Alam factory since Jan 16.

Currently, there are 404 active clusters nationwide being monitored by the ministry.

Meanwhile, the number of Covid-19 patients discharged yesterday was 3,661, which means Malaysia's recovery rate is at 78.2%.

There are currently 47,847 active Covid-19 cases that are being treated at the country's hospitals and quarantine centres.

**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**

**MUKA SURAT : 3**

**RUANGAN : STORY OF THE DAY**